



**PEKELILING
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
BILANGAN 9/1975**

Tuntutan Pembeli Dalam Pembahagian Harta Pusaka Kecil

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihat Pemungut-pemungut Hasil Tanah mengenai cara menguruskan tuntutan pembeli terhadap tanah, bahagian atau kepentingan di dalamnya yang menjadi sebahagian harta pusaka kecil.

2. Dalam seksyen 2 Akta (pembahagian) Harta Pusaka kecil, 1955 'pembeli' ialah seorang yang, pada masa permohonan membahagi pusaka dikemukakan oleh orang lain sedang menduduki tanah yang berdaftar di atas nama si mati sama ada sebagai tuanpunya tunggal atau tuanpunya berkongsi dan ianya telah menduduki tanah itu sebelum 1hb Oktober, 1949 menurut kuatkuasa perjanjian jualan tanah tersebut atau perjanjian jualan kepentingan di dalamnya yang dikeluarkan oleh si mati kepada beliau atau kepada seorang lain yang telah memindahkan hak kepada beliau itu memnuhi syarat-syarat seperti berikut:

- (a) beliau telah menduduki tanah itu sebelum 1hb Oktober, 1949
- (b) beliau masih menduduki tanah tersebut pada tarikh dibuat permohonan membahagikan pusaka;
- (c) pendudukan beliau adalah menurut kuatkuasa sesuatu perjanjian jualan bagi tanah itu atau bagi sesuatu kepentingan di dalamnya yang dikeluarkan oleh si mati kepada beliau atau seorang lain yang telah memindahkan hak kepada beliau; dan
- (d) beliau berupaya membuktikan bahawa si mati telah menjual tanah atau kepentingan di dalamnya itu kepada beliau secara langsung atau tidak langsung.

3. Kedudukan pembeli adalah diterangkan di dalam seksyen 8(1) Akta tersebut iaitu, beliau disifatkan sebagai seseorang yang mempunyai kepentingan dalam harta

pusaka itu dan dengan demikian beliau adalah juga diberi kuasa untuk memohon pembahagian harta pusaka itu. seksyen 12(1) Akta tersebut berkehendakkan bahawa di dalam sesuatu perbicaraan Pemungut hendaklah mencatatkan secara bertulis kenyataan yang diberi oleh semua saksi yang hadir, dan tiap-tiap orang yang membuat tuntutan hendaklah dibenarkan memeriksa balas mana-mana saksi tersebut. Di bawah seksyen 12(6) Akta tersebut. Pemungut adalah dikehendaki menimbangakan tuntutan dari seorang pembeli.

4. Pemungut-pemungut adalah dinasihatkan jika tuntutan dari pembeli telah diterima dalam sesuatu pembahagian harta pusaka kecil, maka adalah diperlu dikeluarkan satu perintah pemindahan secara langsung bagi tanah atau kepentingan di dalam tanah itu kepada pembeli itu dan tidak dikeluarkan perintah melantiknya atau melantik seorang lain sebagai wakil.

5. Surat Pekeliling Pesuruhjaya Tanah No. 11/51 adalah dengan ini dibatalkan.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD. NOR,
Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Persekutuan

P.T.TM 212/50

Kuala Lumpur,
Jun, 1975